



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhsbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 Mar 2021 (Rabu)

Berita Harian

MN Selangor tolak pelantikan jawatan PeKT	1
55 artis buat ujian calitan	2

Utusan Malaysia

Mampukah PN tawan Selangor tanpa bantuan UMNO	3
3 tahun lampu tidak bernyala	4
The Jangs menang lagi	5

Harian Metro

55 artis jalani ujian calitan	6
Selangor henti guna kupon parkir	7

Kosmo

JAS buru tauke upah pekerja asing bakar hutan simpan	8
Telepuk tekstil berhias emas	9

Sinar Harian

PH Selangor tunggu pandangan pimpinan tertinggi	10
Zulkifli nasihat Sajat serah diri	11
Wanita hebat manis orangnya...	12
UNISEL hasilkan graduan kompeten	13
Bantuan Bakul Makanan selama enam bulan	14
LBS Foundation bantu mangsa ribut di Sepang	15
Parkir digital tahun depan	16

Bernama Radio 24

Kerajaan Negeri Sedang Menilai Sekirannay Terdapat Keperluan Adakan Sidang DUN	17
Kerajaan Selangor akan melaksanakan pembayaran parkir secara digital	18

Selangor TV

50 Ketua Komuniti Kaum India Dilantik Jaya Program Kerajaan Negeri	19
7,900 Pemandu Teksi, Bas Sekolah Terima Bakul Makanan Selama Enam Bulan	20
Ketua Komuniti India: Kerajaan Negeri Fokus Pemerkasaan Masyarakat India	21
Ketua Komuniti Kaum India: Pikul Tanggungjawab, Amanah Demi Rakyat	22
MB: 68,000 Bakul Makanan Diagih Sejak Januari Lalu	23
MB: Selangor Capai Kutipan Hasil, Pulang Kepada Rakyat	24

The Star

Discourse highlights water issues customers' rights	25
Ramping up ridership for free bus service	26

China Press

Selangor MB: Discuss whether there is a need for a state meeting during the state of emergency	27
--	----

Sin Chew Daily

Tested environmental protection operations under Pandemic	28
Water was cut without warning, troubled by this situation for 7 years, Complaint is invalid, 78 users are suffering	29



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



The Selangor State Environment Agency cooperated with the police, Vow to catch the culprit of the forest fires in the southern part of Kuala Langat	30
Minister Selangor: You must first obtain the Royal Assent of the head of state, Assess whether a state assembly needs to be opened	31
Rajiv: Free shopping vouchers over 60 years old, Apply for SMUE soon	32
Selangor will discontinue the parking lot next year, Use up as soon as possible before December 31	33
Each user gets 5 transparent bags for recyclable items, and starts to respond on the 15th	34
Lau Weng San and Yang Ke Qing sent flowers, Grateful for the contribution of women and sisters	35
Lau Weng San sent relief supplies, 2 garden's 40 poor households are blessed	36
Nanyang Siang Pau	
Sabak and Hulu Selangor temporarily exempted; Selangor to fully implement smart parking in 2022	37
Guang Ming Daily	
3 areas in Petaling Jaya to launch garbage classification, recycle thing is bagged and put in front of your house	38
Selangor MB: Selangor whether hold a states meeting is under evaluation, need approval from Yang di-Pertuan Agong	39
Malaysia Nanban	
RM5 hundred thousand fine!	40
Selangor govt to evaluate need to hold state assembly meeting	41
Appointment letter for 50 Indian Selangor village leaders!	42



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MN Selangor tolak pelantikan jawatan PeKT
Muka Surat	:	8

MN Selangor tolak pelantikan jawatan PeKT

Shah Alam: Muafakat Nasional (MN) Selangor menolak pelantikan jawatan Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT) yang diwujudkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Penolakan itu dinyatakan dalam satu kenyataan bersama Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar dan Pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Kedua-dua pemimpin berkata, jawatan dalam kerajaan bukan bentuk 'tawar-menawar' tetapi untuk menjaga kepentingan rakyat dan tidak boleh digunakan untuk kepentingan politik pihak tertentu.

"PAS Selangor menolak jawatan PeKT dengan tidak mencalonkan nama. Sebagai tanda solidariti dan sokongan walaupun UMNO Selangor menghantar nama sebelum ini, UMNO Selangor juga mengambil keputusan menolak jawatan PeKT yang ditawarkan," katanya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin sebelum ini berkata, pelaksanaan PeKT hanya di tiga negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Katanya, PeKT dilantik dalam kalangan komuniti setempat yang menjalankan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat.

Kerajaan Selangor juga sebelum ini tidak mengiktiraf peranan dan sebarang lantikan PeKT di negeri itu.

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han, dilaporkan berkata, peranan PeKT dilihat akan akan peranan ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) lantikan kerajaan negeri di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 March 2021		
Akhrbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	55 artis buat ujian calitan
Muka Surat	:	43



Oleh Fatin Farhana Ariffin
 fatin.farhana@bh.com.my

Mengendalikan ujian saringan COVID-19 terhadap 55 artis merangkumi finalis dan selebriti yang terbahit dalam penganjuran Anugerah Juara Lagu (AJL) Ke-35 yang bakal disiarkan secara langsung oleh TV3 dari Auditorium MBSA Bandaraya Shah Alam (MBSA), Ahad ini, bukanlah mudah.

Menjadikan faktor keselamatan, kesihatan dan prosedur operasi standard (SOP) tanpa kompromi, produksi AJL35 akur syarat ditetapkan MBSA yang mahu semua finalis, artis dan kru yang terbahit dalam acara anugerah berprestij itu melakukan pemeriksaan bagi memastikan setiap seorang, bebas COVID-19.

Semalam, Pusat Perubatan Perubatan Management and Science University (MSU), Shah Alam, dikunjungi semua artis terbahit bagi menjalani ujian calitan, bermula jam 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Antara kelibat artis dilihat melakukan pemeriksaan secara pandu lalu itu adalah Nabila Razali, Zizi Kirana, Hael Husaini,

Ayie Floor 88, Datuk Jamal Abdillah, Misha Omar dan Dayang Nurfaizah.

Turut menjalani ujian calitan, hos AJL35 iaitu Awal Ashaari, Sherry Alhadad dan Haziq Hussni.

Semua artis ini perlu disahkan bebas daripada gejala COVID-19 sebelum dibenarkan memasuki Auditorium MBSA untuk menjalani latihan, mulai esok, iaitu lima hari sebelum berlangsungnya AJL35.

Penerbit Eksekutif AJL35, Nurhul Huda Khalid, berkata artis yang didapati positif selepas menjalani ujian calitan, tidak boleh menyertai sesi latihan dan perlu mencari pengganti.

"Kami akan memulakan sesi latihan apabila selesai ujian calitan dan keputusan diterima. Jadi, diharapkan ujian calitan ini dapat mengelak perkara yang tidak diingini berlaku.

"Ramai orang tidak tahu, untuk mendapatkan permit dan kebenaran pihak berwajib adalah perkara yang sangat mencabar dalam merealisasikan acara ini.

"Jadi, kami sangat berharap proses ujian calitan ini dapat memberikan kelancaran kepada



Kami sangat berharap proses ujian calitan ini dapat memberikan kelancaran kepada AJL35.

Nurhul Huda Khalid,
 Penerbit Eksekutif AJL35

AJL35," katanya kepada *HIP*.

Nurhul Huda berkata, ujian calitan sepatutnya tidak perlu dilakukan jika mengikut ketetapan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), namun,

MBSA mahukan produksi melakukannya.

"Langkah ini diambil kerana kita mahu mengelak berulangnya kes lalu di mana, salah seorang peserta Separuh Akhir Muzik Muzik (SFMM) Ke-35, Alif Satar disahkan positif COVID-19 selepas beraksi," katanya.

Nurhul Huda berkata, pada malam kemuncak AJL35, hanya 250 orang dibenarkan berada dalam Auditorium MBSA.

Selain itu, dalam aspek persembahan, hanya enam orang dibenarkan berada di atas pentas.

"Jadi, tiada lagi sekumpulan penari mengiringi persembahan finalis kali ini. Itulah yang menjadi antara cabaran menjayakan AJL35.

"Namun, biarpun kita sudah mengecikan skala acara kali ini, semangat untuk berjuang berko-kobar.

"Saya harap semua yang dirancang dapat direalisasikan dengan baik dan lancar," katanya sambil menambah hampir 90 peratus persiapan teknikal sudah disempurnakan.

Sementara itu, Ketua Unit Jabatan Kecemasan Pusat Perubatan MSU, Dr Imran Khan Jallal-

deen, 32, berkata, keputusan ujian calitan akan dimaklumkan dalam tempoh kurang 24 jam.

"Ujian calitan ini dikendalikan secara pandu lalu bagi memudahkan barisan finalis dan artis.

"Keputusan ujian juga tidak mengambil masa lama iaitu kurang sehari selepas calitan diambil," katanya.

Dr Imran Khan turut berterima kasih atas kerjasama serta sokongan semua pihak termasuk finalis dan artis sepanjang proses saringan itu.

"Ujian calitan ini adalah langkah baik sebelum latihan dimulakan. Dengan adanya proses ini, kita sama-sama dapat membendung penularan COVID-19," katanya.

Sementara itu, vokalis kumpulan Floor 88, Ayie berharap COVID-19 segera pulih agar syarat ujian calitan tidak diperlukan lagi.

"Bagi kami yang perlu mengambil ujian calitan ini setiap kali terbahit dengan mana-mana program, tidak dinafikan, agak meletihkan.

"Jadi, saya harap kita semua segera mendapatkan suntikan vaksin," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Mampukah PN tawan Selangor tanpa bantuan UMNO
Muka Surat	:	10

Mampukah PN tawan Selangor tanpa bantuan UMNO

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
rohaizah.zainal@mediamula.com.my

UMUM sedia maklum bahawa Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dilantik sebagai Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Selangor pada 5 Januari lalu setelah perbincangan dilakukan dalam mesyuarat Majlis Tertinginya.

Bekas Menteri Besar Selangor itu secara jelas menyatakan akan meneruskan dasar peduli rakyat, memacu pertumbuhan ekonomi baharu serta menjamin penyampaian perkhidmatan yang efisien.



Malah, bekas Timbalan Presiden PKR itu dilihat menjadikan dasarnya itu seakan-akan sama dengan corak pentadbirannya ketika dilantik mengetuai pentadbiran negeri berkenaan pada 23 September 2014.

Pendekatan diambil Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri) itu memperlihatkan keseriusan PN merampas semula Selangor daripada Pakatan

Harapan (PH) yang memerintah sejak 2008 selepas menjatuhkan Barisan Nasional (BN).

Tekad PN juga tidak dinafikan apabila Badan Perhubungan Negeri PN Selangor melantik ahli Parlimen Ampang, Datuk Zuraida Kamaruddin sebagai Pengarah Pilihan Raya negeri.

Malah, peluang menawan Selangor dilihat semakin cerah apabila wujudnya pergolakan dalaman PH antara PKR dan Parti Amanah Negara (Amanah) selepas timbul suara tidak puas hati melibatkan penerimaan individu lumpat parti dalam gabungan tersebut.

Menurut sumber, PN mempunyai peluang untuk merampas semula Selangor daripada PH dengan melihat struktur organisasi dalam kerjasama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dengan Pas.

"Ini kerana pengaruh beliau (Mohamed Azmin) boleh dikatakan besar dan pernah menewaskan Rafizi Ramli dalam bertanding jawatan Timbalan Presiden PKR.

"Beliau boleh melakukan 'sesuatu' dan PH jangan memandang rendah dengan kebolehannya kerana perjalanan politiknya sentiasa konsisten dari

semasa ke semasa," kata sumber kepada *Utusan Malaysia*.

Bagaimanapun, sumber berkata, walaupun mempunyai peluang cerah untuk menawan semula Selangor, PN berdepan dengan situasi getir tanpa ketiadaan UMNO.

"Walaupun PN menjadi pilihan pengundi, mereka jangan lupa dengan UMNO juga mempunyai penyokongnya tersendiri.

"Oleh demikian, ketiga-tiga parti ini perlu segera duduk berbincang sekiranya mahu menawan Selangor secara keseluruhan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	3 tahun lampu tidak bernyala
Muka Surat	:	19

ADUAN PBT

3 tahun lampu tidak bernyala

SAUDARA PENGARANG,

SUDAH menjadi kelaziman penduduk di bandar raya Shah Alam meluangkan masa pada hari minggu dan cuti umum untuk beriadah di Taman Tasik Shah Alam yang terletak di Seksyen 14.

Taman tasik itu terdiri daripada tiga tasik berasingan, iaitu Tasik Barat, Tasik Tengah dan Tasik Timur. Tasik Barat adalah paling luas kawasannya dan sudah tentu paling popular.

Namun, sejak kebelakangan ini, pengunjung bersungut kerana berasa pelik disebabkan struktur pagar yang dibina di Tasik Barat tampak mahal serta dipasang dengan banyak lampu tetapi tidak menyala pada waktu malam.

Seorang penduduk yang tinggal berdekatan tasik itu memberitahu saya, pagar berkenaan siap dibina pada awal 2018 dan lampu hanya dinyalakan kira-kira dua hingga tiga bulan dan selepas itu terus gelap.

Penduduk terbabit membuat aduan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan diberikan nombor rujukan aduan 0997/10/2018. Pun begitu, lampu-lampu pagar di Tasik Barat masih tetap tidak bernyala.

Saya juga membuat aduan pada November 2019 dengan nombor rujukan 0436/11/2019. Juga, tiada apa-apa tindakan daripada MBSA.

Tanpa rasa putus asa, saya buat aduan secara dalam talian pula melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA). Setelah membuat susulan beberapa kali, barulah MBSA memberi jawapan bertulis pada 6 Januari 2020: "Kerja-kkerja pembaikan melibatkan kos yang tinggi dan perlu mendapat kelulusan pihak atasan."

Jawapan itu diberikan oleh Mohd. Yazid Othman dari Jabatan Landskap MBSA. Setelah lebih setahun jawapan itu, lampu pagar Tasik Barat masih tetap tidak bernyala hari ini.

KAMARUDDIN HASSAN
Shah Alam, Selangor



LAMPU pagar yang tidak bernyala di Tasik Barat, Shah Alam, Selangor. - IHSAN PEMBACA



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	The Jangs menang lagi
Muka Surat	:	46

The Jangs menang lagi

Oleh ROZAIDI ZULKIFLI

rozaidi.zulkifli@mediamulia.com.my

GOMBAK: Beraksi dalam cuaca 'panas' dan menutup saingan dengan 10 pemain tidak menghalang Negeri Sembilan melakar kemenangan Liga Perdana kedua dengan menundukkan Selangor II 2-1 di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, semalam.

Selepas menumpaskan Johor Darul Ta'zim II (JDT II) dalam aksi pembukaan, Sabtu lalu, *The Jangs* kini mendahului liga dengan enam mata.

"Kita menang 2-1 di tempat lawan dalam aksi sukar kerana menentang pasukan yang rata-rata dibarisi pemain muda.

"Pertama kali bermain di waktu petang juga beri kesan kepada pemain untuk menyesuaikan diri.

"Tahniah kepada pemain kerana bertahan dengan baik dan membawa pulang tiga mata," kata jurulatih Negeri Sembilan, K. Devan.

Gol Negeri Sembilan disempurnakan oleh R. Barathkumar dan Alain Akono.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	55 artis jalani ujian calitan
Muka Surat	:	18

Oleh Georgie Joseph
georgie@hmetro.com.my

Shah Alam

Seramai 55 artis merangkumi finalis dan penghibur yang terbabit untuk Anugerah Juara Lagu 35 (AJL35) pada Ahad ini melakukan ujian calitan Covid-19 di Management and Science University (MSU) di sini, semalam.

Ujian itu diwajibkan sebagai persiapan utama sebelum mereka dibenarkan memasuki Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk membuat persiapan daripada segi pementasan bermula esok.

Penerbit Eksekutif AJL 35, Nurhul Huda Khalid, berkata, mana-mana artis yang didapati positif Covid-19 selepas ujian itu akan diminta mencari pengganti segera.

"Keputusan ujian itu dijangka akan diketahui dalam tempoh 48 jam atau lebih cepat. Jika artis didapati positif Covid-19, wajib diganti dengan artis lain.

"Ujian calitan ini adalah proses peringkat pertama untuk prosedur operasi standard (SOP) ketat kami tetapkan kepada semua yang terbabit dalam AJL35. Keadaan terkini artis adalah hal yang paling merisaukan.

"Oleh itu, kami perlu



JAMAL menjalani ujian calitan Covid-19 yang dilakukan untuk finalis dan penghibur yang terbabit dalam AJL35 di Shah Alam, semalam.

AJL35

55 artis jalani ujian calitan

melakukan ujian itu hari ini (semalam) untuk memastikan mereka benar-benar bebas daripada virus terbabit. Ini demi memastikan persiapan acara anugerah itu lancar," katanya.

Antara yang kelihatan hadir pada ujian calitan itu termasuk Nabila Razali, Zizi Kirana, Hael Husaini, Awal Ashaari, Sherry Alhadad, Haziq Hussni, Ayie Floor88,

Datuk Jamal Abdillah, Misha Omar dan Dayang Nurfaizah.

Nurhul juga menjelaskan, kuota hanya enam orang di pentas pada AJL35 kali ini memberi cabaran tersendiri kepada finalis dan kru produksi.

Bagaimanapun, artis perlu reda dengan kekangan itu demi SOP.

"Kita tahu persembahan malam kemuncak lazimnya

meriah dengan penari, penyanyi latar, pemuzik sampingan dan sebagainya. Namun, hanya enam orang dibenar berada di pentas untuk persembahan.

"Walaupun ada yang mahu mengetengahkan konsep sebegini, finalis tiada pilihan kecuali menterjemahkan kemeriahan persembahan dengan mematuhi kuota itu," katanya.



NABILA RAZALI



ZIZI KIRANA



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor henti guna kupon parkir
Muka Surat	:	20

Selangor henti guna kupon parkir

Shah Alam: Kerajaan negeri akan menghentikan penggunaan kupon parkir atau pembayaran secara manual di semua tempat letak kenderaan yang diuruskan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor mulai Januari 2022.

Pengerusi Jawatankuasa

Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, penggunaan kupon parkir akan ditamatkan pada 31 Disember tahun ini dan pembayaran secara digital sepenuhnya akan **dilaksanakan** bermula 1 Januari.

“Pembayaran parkir di semua kawasan PBT di negeri ini akan dilaksanakan secara digital sepenuhnya menerusi *Smart Selangor Parking* (SSP) yang dibangunkan oleh anak syarikat kerajaan negeri iaitu *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU),” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 March 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	JAS buru tauke upah pekerja asing bakar hutan simpan
Muka Surat	:	18

JAS buru tauke upah pekerja asing bakar hutan simpan

SHAH ALAM – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor memburu seorang pemilik syarikat perniagaan berasaskan pertanian yang disyaki terlibat dalam pembakaran terbuka di kawasan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan dekat sini.

Pengarahnya, Nor Aziah Jaafar berkata, suspek lelaki berusia 35 tahun itu disyaki menyewa tanah seluas 15.78 hektar.

Menurutnya, suspek dipercayai mengupah pekerja-pekerja warga Indonesia untuk membuat pembakaran bagi membersihkan kawasan sebagai persediaan bagi memulakan aktiviti pertanian.

Bagaimanapun, jenis pertanian yang akan diusahakan masih dalam siasatan JAS Selangor.

"Berdasarkan carian hak milik tanah, kita telah mengenal pasti penyewa tanah dan pemiliknya.

"Kita yakin kedua-dua mereka ini dapat diberkas dalam masa terdekat dengan bantuan pihak berkuasa," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.



PEGAWAI JAS Selangor mengambil sampel di lokasi pembakaran terbuka Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan baru-baru ini.

Nor Aziah berkata, tiga sampel bahan bukti telah diambil di lokasi kebakaran sebelum ini bagi tujuan siasatan dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

Kebakaran Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan melibatkan 40.46 hektar daripada 7,416 hektar keseluruhannya.

"Sebelum ini, pihak berkuasa berjaya menangkap seorang lelaki warga Indonesia yang disyaki telah diupah melakukan pembakaran terbuka itu.

"Suspek menggunakan pam racun yang dipercayai berisi diesel untuk membakar sisa-sisa kayu yang ditebang," ujarnya.



Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Telepuk tekstil berhias emas
Muka Surat	:	20





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PH Selangor tunggu pandangan pimpinan tertinggi
Muka Surat	:	3

PH Selangor tunggu pandangan pimpinan tertinggi

GOMBAK - Pakatan Harapan (PH) Selangor sedang menunggu pandangan dan polisi daripada pimpinan tertinggi gabungan itu berhubung kerjasama dengan UMNO pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Pengerusinya, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perkara itu merupakan satu perubahan dasar yang signifikan dan ia perlu dibincangkan dengan teliti serta tuntas.

Beliau berkata, langkah itu juga adalah bagi mengelakkan usaha-usaha reformasi yang dibawa selama ini tidak gagal.

"Saya percaya ini (hubungan dengan UMNO) antara kerangka yang harus kita fikirkan.

"Ia bukan hanya persoalan *political expediency*, ia bukan persoalan *numbers in politics* atau *numbers to gain the government*, tapi ia adalah untuk mencorak dan membentuk rakyat di negara ini," katanya selepas Program Penyerahan Bantuan Bakul Makanan Kepada

KERJASAMA DENGAN UMNO

Pemandu Teksi dan Bas Sekolah yang berlangsung di Dewan Terbuka Kampung Melayu Batu Caves di sini pada Selasa.

Amirudin berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Pengerusi PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini yang tidak menolak kemungkinan untuk bekerjasama dengan UMNO pada PRU15 susulan parti itu memutuskan kerjasama dengan Bersatu.

Mengulas lanjut, Amirudin yang juga Pengerusi PKR Selangor berharap agar cadangan itu dapat dibawa ke peringkat Biro Politik dan kepimpinan tertinggi parti itu untuk dibincangkan dengan lebih lanjut.

"Hatta (perkara ini perlu dibawa ke) kongres sekali pun.

"Ia perlu dibawa ke peringkat perbincangan dan melalui proses-proses tertentu dalam struktur yang kita telah sedia ada dan kukuh ketika ini," katanya.



Amirudin (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada salah seorang penerima dalam program berkenaan yang berlangsung di Dewan Terbuka Kampung Melayu Batu Caves, Gombak pada Selasa.



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Zulkifli nasihat Sajat serah diri
Muka Surat	:	4

Zulkifli nasihat Sajat serah diri

LABUAN - Usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamarzzaman atau Nur Sajat dinasihatkan supaya menyerah diri kepada pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), selepas waran tangkap dikeluarkan terhadapnya bulan lepas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, isu itu sebenarnya boleh diselesaikan secara baik.

“Saya ingin menasihatkan saudara Sajat supaya berjumpa dengan pegawai JAIS dan selesaikan isu ini secara baik supaya keadaan tidak menjadi lebih tegang.

“Saya sudah berbincang dengan pegawai-pegawai JAIS mengenai isu ini, apa yang saya lihat tindakan oleh JAIS adalah sesuai dengan kea-

daan,” katanya di sini pada Selasa.

Zulkifli berkata, Nur Sajat juga tidak seharusnya mengungkapkan kata-kata seolah-olah berhasrat untuk keluar daripada agama Islam.

Januari lepas, Nur Sajat tidak mengaku bersalah terhadap satu pertuduhan menyebabkan agama Islam dipandang hina dengan cara dirinya seorang lelaki yang berpakaian menyerupai wanita selepas pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Syarie Mohamad Khalid Shae @ Shaii.

Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam kemudiannya mengeluarkan waran tangkap terhadap usahawan kosmetik berumur 36 tahun itu selepas dia tidak hadir semasa sebutan semula kes berkenaan, bulan lepas. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Zulkifli (tiga dari kanan) menyerahkan replika cek bantuan bernilai RM20,000 kepada wakil Kakitangan Agensi Agama Wilayah Persekutuan Labuan, Sadakatullah Abas (dua dari kiri) pada Majlis Amanat YB Menteri Di JPM Bersama Warga Agensi di Labuan pada Selasa.



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Wanita hebat manis orangnya...
Muka Surat	:	12

Wanita hebat manis orangnya...



ANALISIS
MUKA 12

ANITA ABU HASAN

Anak dara, janda, gadis, kakak, isteri, ibu, adalah wanita! Tiada kata-kata untuk menggambarkan keistimewaan wanita. Hal mereka menjadi bual bicara masyarakat.

Selain kecantikan, pada hari ini kehebatan wanita diperlihatkan melalui keupayaannya menerajui kemajuan negara, pada masa sama mendokong institusi keluarga.

Oleh sebab keistimewaan peranan wanita inilah, kelmarin, 8 Mac 2021 menjadi acara sambutan Hari Wanita Sedunia bagi meraikan peranan wanita dalam pelbagai bidang.

Menyoroti Hari Wanita Sedunia ini, bagi sambutan di Malaysia, penulis tertarik dengan kata-kata Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali ketika berucap sempena hari istimewa tersebut pada Isnin.

Katanya, bertepatan 'Wanita Bangkit Mendepani Cabaran', Hari Wanita Sedunia pada tahun ini menjulang sumbangan wanita dalam pelbagai bidang, meskipun dibelenggu pandemik Covid-19 ketika ini.

Beliau mendoakan semoga cabaran semasa menguatkan semangat wanita untuk menerajui kemajuan dan kesejahteraan keluarga, masyarakat serta negara.

Di sini, perlu kita nilai adalah 'semangat' yang diperkatakan oleh Mohd Zuki. Pada pandangan penu-

lis, semangat itu diterjemahkan kepada kekuatan hingga munculnya kehebatan wanita, sinonim peribahasa iaitu tangan menghayun buai-an boleh menggoncang dunia!

Bagaimana wanita di Malaysia menjadi hebat? Bagi pandangan penulis, faktor pendidikan.

Seperti dinyatakan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari sempena perutusanannya kelmarin, tahap pendidikan wanita di Malaysia mengagumkan melebihi lelaki sebanyak 5.3 peratus, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia dan berdasarkan laporan Indeks Jurang Gender Malaysia (MGJ) pada 7 Disember tahun lalu.

Cuma peluang dan penglibatan ekonomi wanita adalah 38 peratus kurang daripada lelaki, manakala penglibatan dalam pembinaan negara serta politik adalah 10.8 peratus berbanding lelaki.

Penulis setuju apabila Menteri Besar Selangor itu mengatakan pemerkasaan wanita dalam semua aspek bukan lagi pilihan.

Penglibatan wanita dalam pelbagai bidang termasuk sumbangan kepada pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak dinafikan. Ini semua didorong kemajuan pendidikan wanita itu sendiri.

Kebijaksanaan, kredibiliti, kebolehan dan keupayaan wanita mencuri bidang pentadbiran kini signifikan untuk melayakkan wanita sebagai pemimpin.

Dalam kita membicarakan soal wanita hebat, jangan kita lupa wanita adalah manusia biasa. Mungkin lemah dan kekurangan bahkan mudah terluka hatinya.

Letakkan sahaja dalam situasi pandemik Covid-19 ketika ini. Be-

rapa ramai wanita 'kering duit' susulan ada ahli keluarga kehilangan pekerjaan. Berapa ramai stres membantu pelajaran anak-anak ketika pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Peranan mereka adalah sama dan perlu dihargai dengan penuh kasih sayang.

Penghormatan

Ia lambang penghormatan dan memperakui peranan mereka dalam kehidupan seharian terutama khidmatnya kepada lelaki.

Tetapi pada masa yang sama terdapat wanita disakiti hingga ada dalam kalangan mereka hilang nyawa iaitu dibunuh hanya kerana masalah berkaitan perasaan.

Pokoknya, kehidupan wanita dianggap indah itu sebenarnya cuma ibarat telur di hujung tanduk jika membicarakan mengenai kredibiliti, maruah termasuk nyawa miliknya kerana setiap langkah wanita itu selalu diperhatikan, apatah lagi susulan kewujudan media sosial. Tidak dinafikan ada wanita pendek akal mencanang aib di media sosial.

Wanita hebat adalah individu bermulut manis, bukan melepaskan perkataan tanpa menghiraukan masalah orang lain. Peranan wanita bagi penulis perlu diiktiraf dalam hari seperti Hari Wanita Sedunia ini.

Bukan wanita sahaja ada hari istimewa, lelaki juga ada Hari Lelaki Sedunia disambut pada 19 November.

Cuma kurang enak sedikit kerana Hari Lelaki Sedunia sama tarikh dengan Hari Tandas Sedunia.

**Anita Abu Hasan ialah penyunting Sinar Harian*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	UNISEL hasilkan graduan kompeten
Muka Surat	:	22

UNISEL hasilkan graduan kompeten

Seimbang dari aspek teori dan praktikal

Ikuti temu bual bersama Dekan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Selangor (UNISEL), Profesor Dr Norhayah Zulkifli.

Boleh ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang Profesor?

Saya lahir dan membesar di Kampong Bharu, Kuala Lumpur, bersekolah di Bukit Bintang Girls' Schools dan melanjutkan pengajian di Amerika Syarikat sehingga peringkat sarjana dan melanjutkan pengajian PhD di Wales, United Kingdom.

Pengalaman sepanjang berkhidmat dalam bidang pendidikan?

Sebelum menyertai UNISEL pada tahun 2019, saya pernah berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor dan apabila berkeluarga, saya berpindah ke Kuala Lumpur untuk menyertai Universiti Malaya (UM). Saya telah berkecimpung dalam bidang pendidikan selama lebih 30 tahun.

Di UTM dan UM, penuntut adalah dalam kalangan yang cemerlang dan terbaik dalam peperiksaan. Di UNISEL, walaupun syarat kemasukan lebih rendah daripada di UM dan UTM, penuntut perakaunan sering dilabel sebagai golongan yang relatifnya lebih baik

pencapaian akademiknya dan dengan demikian, mereka lebih bijak, sopan dan berdisiplin berbanding penuntut jabatan lain. Mereka memberi tumpuan penuh dalam pengajian dan mengambil berat tentang prestasi pembelajaran. Sifat seperti mereka inilah yang dikatakan penuntut budiman yang ingin dilahirkan UNISEL.

Sepanjang dua tahun saya mengajar dan berinteraksi dengan penuntut di UNISEL, saya tiada masalah besar, malah rasa lega dan berharap mereka konsisten mempamerkan sifat serta nilai budiman mereka apabila memasuki alam pekerjaan.

Di mana-mana pun kita mengajar, bagi saya faktor pensyarah sangat penting. Pensyarah yang cemerlang menghasilkan penuntut yang cemerlang. Pengajaran memerlukan kerja keras untuk memastikan mereka mendapat pendidikan terbaik.

Pensyarah yang baik, setiap masa berusaha dengan gigih untuk mewe-



Pelajar lepasan SPM dan STPM akan memperoleh banyak manfaat jika mereka menyambung pelajaran di FPP UNISEL kampus Shah Alam.

judkan persekitaran yang *challenging* dan *nurturing*.

Profesor baru sahaja berkhidmat di UNISEL dan dilantik sebagai Dekan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (FPP). Apakah cabaran menerajui fakulti yang mempunyai bilangan penuntut paling ramai di UNISEL?

Ketika menyertai UNISEL, saya sebenarnya kagum dengan fakulti ini yang menyediakan banyak program pengajian iaitu empat diploma, enam ijazah sarjana muda, satu sarjana dan satu kedoktoran. Bagi sebuah fakulti, untuk mengendalikan 12 program pembelajaran bagi bilangan penuntut kira-kira 3,000 orang pada satu-satu masa, pengurusan di pihak fakulti dan universiti mestilah cekap.

Tugas saya adalah untuk memastikan seluruh fakulti yang terdiri daripada 70 orang pensyarah dan 10 orang staf pentadbiran terus beroperasi serta meningkatkan kecekapan. Salah satu cabaran terbesar adalah memastikan peringkat pengurusan fakulti dapat mengendalikan kesemua program ini dengan cekap dan bersedia dengan pantas untuk menyelesaikan masalah yang timbul terutama sepanjang tempoh pengajian berlangsung.

Sebagai Dekan FPP, saya cuba membentuk pengurusan FPP yang berusaha untuk memastikan segala hak penuntut untuk mendapat pendidikan dan pembelajaran terbaik adalah terjamin.

Apakah perancangan dan strategi yang ingin Profesor tetapkan untuk memastikan FPP terus menjadi pilihan penuntut melanjutkan pelajaran?

Saya percaya bahawa pengurusan sebuah organisasi harus dikendalikan dengan telus. Saya amalkan struktur governan bawah pembuat keputusan bagi sebarang polisi melibatkan penuntut dan warga FPP dibuat oleh pengurusan fakulti. Dengan itu, saya telah memperkenalkan sistem pengurusan fakulti bertaskan jabatan dan sekarang diamalkan di fakulti-fakulti yang lain.

Saya percaya sebuah jabatan berfungsi sebagai nukleus terhadap bukan sahaja pembangunan program pembelajaran, malah perkembangan penuntut melalui aktiviti yang dirancang dan perkembangan staf akademik melalui latihan yang difikirkan perlu. Sebelum penubuhan empat jabatan di FPP yang diketuai seorang ketua bagi setiap jabatan, struktur pentadbiran FPP dari segi akademik dikendalikan oleh program pembelajaran yang diterajui oleh ketua program.

Kami berusaha menyediakan program pembelajaran yang mempunyai nilai tambah agar dapat mempertingkatkan kompetensi, misalnya melalui program yang diiktiraf badan profesional. Program perakaunan kami telah memperoleh akreditasi daripada ACCA dan akan mendapat akreditasi daripada ICAEW. Sijil tertentu sedang diusahakan untuk diperolehi daripada Majlis Sukan Negara bagi program Diploma Pengurusan Industri Sukan. Program pentadbiran

perniagaan mempunyai pengkhususan dalam bidang kewangan Islam dan pengurusan halal.

perniagaan mempunyai pengkhususan dalam bidang kewangan Islam dan pengurusan halal.

Apakah pandangan Profesor mengenai situasi pelajar yang belajar sambil menjalankan perniagaan? Adakah ia akan mengganggu pembelajaran mereka atau memberi kelebihan dari aspek pengalaman?

Saya percaya pembelajaran tidak terganggu selagi mereka dapat membahagikan masa dengan sebaiknya dan mempunyai disiplin tinggi. Dengan bekerja, mereka dapat mempraktikkan ilmu perniagaan yang dipelajari, menguasai komunikasi dengan masyarakat dan menyemai sikap berdaya. Dengan menjalankan perniagaan, mereka belajar menguruskan masa dengan lebih teratur dan belajar secara praktikal tentang pengurusan modal serta kiraan untung rugi.

Perniagaan semakin mendapat perhatian anak muda, lebih-lebih lagi ketika pandemik. Bolehkah Profesor berikan sedikit nasihat kepada pelajar lepasan SPM yang berminat melanjutkan pengajian dalam bidang perniagaan dan perakaunan?

Memulakan sesuatu perniagaan tanpa ilmu boleh membina sesuatu perniagaan tetapi memulakan perniagaan dengan ilmu, mampu membina sebuah empayar. Pelajar lepasan SPM perlu menyambung pelajaran pada peringkat lebih tinggi kerana kini peluang pekerjaan semakin kompetitif.

Pelajar yang berminat menjadi akauntan, pihak UNISEL telah melancarkan UNISEL.ACE yang menawarkan program profesional perakaunan iaitu ACCA, ICAEW, CAT dan CFAB. Ia untuk memberi kemudahan kepada semua pelajar menyambung pengajian ke peringkat profesional dengan UNISEL.ACE.

Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri di FPP telah direka dengan tiga pengkhususan iaitu logistik, analitik perniagaan dan pengurusan industri sukan. Program lain termasuk Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan yang menyediakan dua pengkhususan iaitu pengurusan halal dan kewangan Islam, Diploma Pengurusan Industri Sukan serta Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia yang ditawarkan pada hujung minggu dan kelak ditawarkan sebagai pendidikan jarak jauh.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bantuan Bakul Makanan selama enam bulan
Muka Surat	:	25

Bantuan Bakul Makanan selama enam bulan

GOMBAK - Seramai 7,900 penerima Bantuan Bakul Makanan di bawah Pakej Kita Selangor akan menerima manfaat menerusi inisiatif itu untuk tempoh enam bulan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri turut bercadang melanjutkan pemberian bakul makanan itu untuk tempoh 10 sehingga 12

bulan sekiranya jumlah penerima bantuan berkenaan tidak bertambah.

Katanya, langkah itu merupakan usaha kerajaan negeri bagi membantu pihak terkesan sementara proses pemulihan ekonomi berjalan dalam tempoh 12 bulan ini.

“Bakul makanan ini diharap dapat membantu mengurangkan bebanan rakyat yang terkesan,” katanya selepas penyerahan bantuan

berkenaan kepada pemandu teksi dan bas sekolah di Dewan Terbuka Kampung Melayu Batu Caves pada Selasa.

Mengenai Program Selangor Kerjaya, Amirudin berkata, buat masa ini, kerajaan negeri menerima lebih 3,000 pendaftaran daripada orang ramai di mana 1,300 peluang pekerjaan akan ditawarkan kepada mereka yang berkelayakan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

10 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	LBS Foundation bantu mangsa ribut di Sepang
Muka Surat	:	25



Hairol Azman (tengah), Amal (kiri) dan Amirudin (kanan) ketika penyerahan replika cek daripada LBS Foundation.

LBS Foundation bantu mangsa ribut di Sepang

SEPANG - Kumpulan LBS Bina menerusi LBS Foundation mengagihkan sumbangan RM3,000 dan 500 botol air minuman kepada Persatuan Penduduk Taman Seroja (PPTS) Bandar Baru Salak Tinggi di sini, bagi meringankan beban mangsa yang terjejas akibat ribut pada Sabtu.

Lembaga Pemegang Amanah LBS Foundation, Tan Sri Lim Hock San berkata, LBS Foundation, sayap tanggungjawab sosial korporat Kumpulan LBS Bina terus komited dalam memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

"Covid-19 mempengaruhi kehidupan masyarakat ketika ini dan

kejadian ribut memberi kesan lebih besar kepada kehidupan keluarga yang terlibat. LBS Foundation bersimpati dan berharap penduduk setempat kembali pulih secepat mungkin.

"Kami berharap sumbangan ini dapat membantu dan mengurangkan beban mangsa ribut," katanya menerusi satu kenyataan pada Selasa.

Sumbangan disampaikan wakil LBS Foundation, Amal Abd Aziz kepada Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Seroja, Hairol Azman Razali dan turut disaksikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada Isnin.

Pada Sabtu, 120 rumah di mukim Bandar Baru Salak Tinggi dan Labu termasuk Taman Seroja, Taman Dahlia, apartmen Seroja Hills, apartmen Dahlia Court, apartmen Taman Dahlia, Kampung Baru Salak, Kampung Salak Tengah dan Kampung Lembah Paya terjejas akibat hujan lebat serta angin kencang di sekitar Putrajaya.

Dalam kejadian itu turut terjejas empat sekolah, sebuah tadika perpaduan, khemah dan peralatan di sekatan jalan raya Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang.



KERATAN AKHBAR
10 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Parkir digital tahun depan
Muka Surat	:	25

Parkir digital tahun depan

Era kupon parkir manual di Selangor bakal berakhir

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor akan melaksanakan pembayaran parkir secara digital melalui aplikasi yang dibangunkan dengan kerjasama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) bermula 1 Januari 2022 sekali gus menamatkan penggunaan kupon parkir manual pada 31 Disember 2021.

Bagaimanapun Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Negeri Selangor, Ng Sze Han berkata, sistem ejen e-parkir akan disediakan sebagai alternatif kepada orang awam yang tidak mempunyai telefon pintar atau aplikasi parkir digital.

Katanya, kerajaan negeri melalui anak syarikat iaitu SSDU telah membina dan melancarkan sistem aplikasi tempat letak kereta, Smart Selangor Parking (SSP) yang boleh dimuat turun menggunakan telefon pintar dan ia telah diseragam dan diguna pakai



Sze Han (kiri) selepas sidang media Hala Tuju Pengurusan Tempat Letak Kenderaan Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor pada Selasa.

di pihak berkuasa tempatan (PBT) Negeri Selangor.

"Pada masa ini, pengguna aplikasi SSP berdaftar sudah melebihi 1.5 juta orang dan melalui penggunaan sistem aplikasi SSP, ia juga dapat menjimatkan sejumlah 634,994 kilogram kertas," katanya pada sidang media Hala Tuju Pengurusan Tempat Letak Kenderaan Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor di Wisma Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini pada Selasa.

Selain itu, Ng berkata, kerajaan negeri bercadang mewujudkan kaedah petak parkir 'hot zone' di kawasan tumpuan awam dengan meletakkan had masa maksimum

bagi setiap tempahan.

"Sebagai contoh, petak parkir 'hot zone' tidak boleh melebihi tempoh dua jam. Kaedah ini adalah untuk memberi kemudahan kepada pengguna lain mendapatkan petak parkir di kawasan yang sibuk dan padat," katanya sambil menambah 'hot zone' dikenal pasti akan dilaksanakan di Taipan USJ, Subang Jaya.

Menurut beliau, petak parkir 'hot zone' akan diberi nama yang lebih sesuai serta mesra pengguna dan akan mula dikuatkuasakan setelah pindaan ke atas Jadual di dalam Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) yang diguna pakai oleh PBT Negeri Selangor diwartakan. - *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 March 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Kerajaan Negeri Sedang Menilai Sekirannay Terdapat Keperluan Adakan Sidang DUN
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 March 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Kerajaan Selangor akan melaksanakan pembayaran parkir secara digital
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 March 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	50 Ketua Komuniti Kaum India Dilantik Jaya Program Kerajaan Negeri
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 March 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	7,900 Pemandu Teksi, Bas Sekolah Terima Bakul Makanan Selama Enam Bulan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 March 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Ketua Komuniti India: Kerajaan Negeri Fokus Pemerkasaan Masyarakat India
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
